

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

• Peperiksaan Semester Tambahan
Sidang 1990/91

Jun 1991

EMU 410 - Jurutera Dalam Masyarakat II

Masa : [2 jam]

ARAHAN KEPADA CALON

Sila pastikan bahawa kertas soalan ini mengandungi EMPAT muka surat bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab DUA soalan dari Bahagian A dan DUA soalan dari Bahagian B.

Akta Kontrak 1950 dan kertas graf akan disediakan.

Jawapan untuk setiap bahagian hendaklah diikatkan di dalam buku jawapan yang berasingan.

Semua soalan mestilah dijawab dalam bahasa Malaysia

...2/-

BAHAGIAN A

1. Dengan merujuk kepada undang-undang kontrak di Malaysia bincangkan sama ada kontrak wujud dalam situasi-situasi berikut:

[a] Sayang telah pergi membeli-belah di sebuah pasaraya. Ia ternampak sepasang baju kurung dan bercadang untuk membelinya setelah melihat tanda harga pada baju tersebut. Apabila sampai kekaunter bayaran, juruwang memberitahu bahawa terdapat kesilapan pada tanda harga itu dan tidak mahu menjualkan baju itu melainkan Sayang bersetuju membayar harga yang telah dibetulkan. Sayang tidak bersetuju lalu ingin mengambil tindakan undang-undang terhadap pasaraya berkenaan.

[50 markah]

[b] Manja bercadang hendak menjual semua buku lamanya kepada Mat, dengan harga \$50.00. Mat bersetuju untuk membelinya dengan harga \$40.00 sahaja. Manja lalu menjualkan buku-buku itu kepada Din. Mat ingin mengambil tindakan undang-undang terhadap Manja.

[50 markah]

2. Seseorang hendaklah berkontrak atas kerelaannya. Jika terdapat bukti-buktii yang menunjukkan ia tidak berkerelaan, kontrak tersebut boleh diketepikan. Bincangkan.

[100 markah]

...3/-

3. Tulis nota ringkas mengenai dua daripada perkara-perkara berikut:

[a] Penggunaan common law Inggeris di Malaysia.

[50 markah]

[b] Hiraki mahkamah-mahkamah di Malaysia dan bidang kuasa masing-masing.

[50 markah]

[c] Ratifikasi dalam undang-undang agensi.

[50 markah]

4. Bibi telah menderita sakit perut dan muntah-muntah setelah memakan roti buatan Syarikat Sedap Roti. Roti tersebut telah dibeli oleh kawannya, Baba. Bibi terpaksa dirawat di hospital selama dua minggu dan tidak dapat bekerja selama tempoh tersebut. Nasihatkan Bibi mengenai haknya di segi undang-undang.

[100 markah]

BAHAGIAN B

5. Terangkan apa erti perakaunan dan mengapa sistem perakaunan ini perlu direkod dan disimpan dengan sempurna di dalam sesebuah organisasi/institusi.

[100 markah]

...4/-

-4-

6. SAMA ADA

- [a] Dalam mengawal kos pengeluaran sesuatu barang, pihak pengurusan kerap melalui pengalaman atau kajian akan menetapkan kos standard/kos pratentu. Sila terangkan faedah-faedah kos-kos standard ini dan konsep analisa sisihan secara am hasil daripada perbezaan di antara kos sebenar dengan kos standard.

[100 markah]

ATAU

- [b] Dalam perakaunan pengurusan ada tiga konsep kos dan kelakuannya yang membolehkan kita mencari dan menganalisa kos pengeluaran di dalam membuat keputusan. Terangkan ketiga-tiga konsep dan kelakuannya?

- [i] Kos Tetap
- [ii] Kos Berubah
- [iii] Kos Bercampur

[100 markah]

-oooooooooooo-